

Mekanik cederakan, cuba bunuh kanak-kanak dipenjara 10 tahun

SIBU: Mahkamah Sesyen Sibu, semalam menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun ke atas seorang mekanik yang disabitkan bersalah atas pertuduhan mendatangkan kecederaan kepada seorang kanak-kanak perempuan, selain bertindak mengacukan sebilah parang kepada mangsa dalam kejadian 9 Mei lepas.

Hakim Musyiri Peet turut menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun ke atas tertuduh, Mohamad Arif Ajung, 38, yang mengaku bersalah atas pertuduhan terbabit dan satu lagi pertuduhan iaitu cuba membunuh mangsa terbabit dengan sebilah parang.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam diperintah menjalani hukuman penjara itu secara serentak bermula daripada tarikh sabit kesalahan semalam.

Mengikut pertuduhan pertama, Arif didakwa cuba membunuh seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun dengan bersenjatakan sebilah parang, satu kesalahan di bawah Seksyen 307(1) Kanun Keseksaan.

Sementara bagi pertuduhan kedua, tertuduh sebagai penjaga kepada mangsa



PENJARA: Mohamad Arif (tengah) diiringi anggota polis setelah dijatuhi hukuman oleh Mahkamah Sesyen Sibu, semalam.

didakwa atas pertuduhan mengacukan sebilah parang kepada mangsa, satu kesalahan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan dihukum di bawah Seksyen 31(1), akta yang sama.

Arif terdahulu didakwa melakukan kedua-dua kesalahan itu di rumah panjang

Genturong Ulu Terusa, Jalan Rimbunan, Amang, Kapit pada 9 Mei 2026, jam lebih kurang 9 malam.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian teman lelaki anak pengadu iaitu tertuduh yang tinggal serumah dalam keadaan mabuk dan mengamuk sambil memegang sebilah parang hendak menced-

erakan seorang lagi anak pengadu iaitu mangsa.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan pada 10 Mei 2026, jam lebih kurang 3.15 pagi, pihak polis telah menangkap tertuduh serta merampas sebilah parang berukuran 45 sentimeter.

Siasatan yang dijalankan mendapati tertuduh ialah teman lelaki kepada anak sulung pengadu, yang tinggal serumah dengan mereka sejak 10 tahun lepas.

Pada hari kejadian, tertuduh yang dalam keadaan mabuk telah mengamuk sambil memegang sebilah parang, lalu menangkap mangsa dan secara langsung mengganggu dan mendedahkan mangsa kepada bahaya untuk mencederakannya.

Satu rakaman video menggunakan telefon bimbit turut membuktikan semua perbuatan tertuduh terhadap mangsa yang turut mengeluarkan kata-kata ugutan 'Nama Dek Ka Ku Mantap Anak Dik Kah' yang bermaksud 'Apa kamu nak saya tetak anak kamukah?'.

Pendakwaan kes dikenalal oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emelda Jerry.